

AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN
JOHOR (PERMALIMAN) 1991*Alia No. 21
Tahun 1991.*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 29a Akta Lembaga Pelabuhan 1963, Lembaga Pelabuhan Johor, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

*Nama dan
pemakalah.*

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Permaliman) 1991 dan hendaklah terpakai dalam Daerah Permaliman Pelabuhan Pasir Gudang.

Tafsiran.

2. Dalani Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Lembaga” ertiinya Lembaga Pelabuhan Johor yang ditubuhkan di bawah seksyen 2 Akta Lembaga Pelabuhan 1963;

“malim” ertiinya mana-mana orang yang bukan anggota sesuatu vesel yang mengendalikan kapal tersebut;

“pelabuhan” ertiinya pelabuhan Pasir Gudang;

“Pengurus Marin” ertiinya mana-mana pegawai yang bertanggungjawab bagi Jabatan Marin yang dilantik oleh Lembaga dan termasuklah penolong-penolongnya dan mana-mana pegawai lain yang bertindak di bawah atau dengan kuasanya;

“Tempat Mendarat Malim” ertiinya tempat di mana seseorang malim menaiki atau turun dari sesuatu vesel dengan tujuan memandu vesel ke mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

*Malim
hendaklah
mematuhi
undang-undang
kecil dan
perintah.*

3. Tiap-tiap malim hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah mematuhi dan melaksanakan segala perintah yang diberi oleh Pengurus Marin.

*Lebihan bagi
malim.*

4. Semua malim adalah dikehendaki menjalani latihan mengikut jadual latihan sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Permaliman dari semasa ke semasa.

*Malim hendaklah
mengetahui dan
memahlikan diri
dengan undang-
undang dan
arahan serta
mengkaji entar
dan pelan terbaru.*

5. Tiap-tiap malim hendaklah mengetahui dan memahirkan diri dengan dan mematuhi segala undang-undang dan arahan bertulis berhubungan dengan tugas-tugasnya dan hendaklah mengkaji dan membiasakan dirinya dengan pelan dan carta terbaru pelabuhan dan maklumat lain berkaitan dengan pelabuhan.

*Malim
hendaklah
memakai
pakaian
seragam.*

6. Tiap-tiap malim semasa bertugas hendaklah memakai pakaian seragam sebagaimana yang diletakkan oleh Lembaga.

(2) Tiap-tiap malim hendaklah memberitahu Pengurus Marin tentang apa-apa kesakitan atau apa-apa kecacatan pada penglihatannya atau apa-apa ketakdayaan fizikal yang boleh menjelaskan keupayaannya untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan.

(3) Tiap-tiap malim hendaklah menghadirkan dirinya untuk pemeriksaan perubatan dan ujian mata setiap tiga tahun atau bila-bila yang disifatkan perlu oleh Pengurus Marin.

Alat hendaklah dijaga dalam kedaan baik.

30. Tiap-tiap malim hendaklah menjamin bahawa semua alat komunikasi yang diberikan kepada dirinya dijaga dalam kedaan baik dan arahan-arahan yang diberikan bagi kegunaannya hendaklah dipatuhi.

Syarat-syarat Jawatankuasa Permaliman bagi had malim.

31. Tiap-tiap malim semasa di bawah apa-apa had permaliman hendaklah mematuhi syarat-syarat dalam leseninya sebagaimana yang diberikuasa oleh Jawatankuasa Permaliman.

Malim hendaklah wares, tekun dan boleh dipercayai.

32. Tiap-tiap malim semasa bertugas hendaklah waras, tekun dan boleh dipercayai.

Malim jangan menyebabkan vesel terkandas.

33. Walau apa pun peruntukan-peruntukan undang-undang kecil 3, 18 dan 19, tiada seorang pun malim boleh meletakkan mana-mana vesel dalam kedudukan di mana ia boleh terkandas atau kemungkinan terkandas dalam rhana-mana keadaan pasang-surut air tanpa suatu perintah bertulis dari pemunya atau makhoda vesel.

Tindakan tatatertib.

34. Apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini oleh mana-mana malim hendaklah disifatkan suatu salah laku dan hendaklah menyebabkan malim boleh diambil tindakan tatatertib di bawah Akta.

Undang-undang kecil sebagai tambahan kepada mana-mana kaedah-kaedah talia.

35. Undang-Undang kecil ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak boleh disifatkan dalam apa-apa keadaan pun mengurangkan kaedah-kaedah lain yang dibuat di bawah seksyen 15 Akta Lembaga Pelabuhan 1963.

Diperbuat pada 29hb Mei 1991.
[KP/PL/22/1/1 Jd 2; PN. (PU²) 338/2.]

DATO' SULEIMAN BIN MOHD NOOR,
Pengerusi,
Lembaga Pelabuhan Johor

Diluluskan pada 13hb Ogos 1991.

DATO' SERI DR LING LIONG SIK,
Menteri Pengangkutan